

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA
GRAND BALLROOM, KLCC, KUALA LUMPUR
11/07/2012

MAJLIS MAKAN MALAM JABATAN PEGUAM NEGARA BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Menteri-Menteri Kabinet

YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara

YBhg. Tan Sri Abdul Gani Patail
Peguam Negara Malaysia

Ketua-Ketua Jabatan,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya maka dapat kita bersama-sama pada malam yang penuh bermakna ini. Saya gembira pada malam ini kerana akhirnya saya dapat menunaikan janji saya untuk meraikan warga Jabatan Peguam Negara melalui makan malam yang diadakan di atas usaha gigih mereka untuk memudah cara Kerajaan dalam merealisasikan Pelan Transformasi Politik Negara yang merupakan sebahagian dari Dasar Transformasi Nasional ke arah sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Saya dimaklumkan ramai yang menerima jemputan untuk ke majlis pada malam ini terkejut kerana Tan Sri terkenal dengan sifat "frugal" tetapi mulai yakin dengan kesahihan jemputan apabila dimaklumkan bahawa Perdana Menteri yang akan membiayainya' "One of the invitees is reported to have remarked "that's morelike it". Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Tan Sri Abdul Gani Patail Peguam Negara Malaysia dan seluruh warga Jabatan Peguam Negara.

JABATAN PEGUAM NEGARA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

2. Jabatan Peguam Negara merupakan antara Jabatan yang merupakan tonggak utama pentadbiran Negara Malaysia. Jabatan Peguam Negara berperanan bukan sahaja selaku Penasihat Undang-undang kepada kerajaan tetapi juga selaku Pendakwa raya serta Penggubal Undang-undang, Jabatan ini bertindak ibarat kompas yang memberi petunjuk bagi memastikan prinsip-prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang sentiasa dijunjung.

3. Dalam melaksanakan amanah yang sebesar ini, sememangnya segala tindak-tanduk tuan-tuan dan puan-puan akan sentiasa menjadi perhatian umum. Saya sedar pujian dan celaan yang datang silih berganti telah menjadi asam garam kehidupan setiap warga Jabatan Peguam Negara.

4. Namun, saya amat berbangga kerana warga Jabatan Peguam Negara tidak pernah leka dengan sanjungan dan pujian serta tidak pula melatah setiap kali diasak dengan tohmah dan fitnah. Saya percaya, semua cabaran berjaya ditempuh dengan berpaksikan kepada semangat profesionalisme yang tinggi dan keikhlasan tuan-tuan dan puan-puan untuk berkhidmat demi Negara yang tercinta.

PROGRAM TRANSFORMASI POLITIK : JANJI DITEPATI

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

5. Pada 15 September 2011 yang lalu, saya telah pun berjanji di hadapan rakyat Malaysia untuk mengubah Lanskap politik negara sejajar dengan kehendak dan aspirasi rakyat. Program Transformasi Politik ini merupakan pelengkap kepada Dasar Transformasi Nasional yang bukan sahaja mendukung impian Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju malah menjadi sebuah negara yang sentiasa menjunjung prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang.

6. Saya boleh melaporkan kepada rakyat Malaysia bahawa kerajaan telah menepati janji-janjinya. Undang-undang lapuk yang telah ditelan waktu dan tidak lagi relevan seperti Akta Buang Negeri dan Akta Kediaman Terhad telah dimansuhkan. Undang-undang Baru seperti Akta Perhimpunan Aman telah digubal di dalam rangka mengukuhkan hak rakyat yang telah dijamin perlembagaan iaitu untuk berhimpun secara aman. Beberapa undang-undang sedia ada pula telah dipinda seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang menghapuskan keperluan memperbaharui lesen secara tahunan serta Akta Universiti dan Kolej Universiti yang menjamin hak perlembagaan mahasiswa dan mahasiswi untuk menganggotai mana-mana parti politik.

7. Kerajaan juga telah bertindak untuk membatalkan 3 Proklamasi Darurat pada 20 Disember 2011. Namun, usaha Kerajaan tidak terhenti setakat itu sahaja. Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa merasai denyut nadi rakyat, kita telah membuat keputusan bagi memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang telah berkuat kuasa semenjak lebih lima puluh tahun lalu. Dalam rangka untuk mengimbangi keselamatan Negara dan hak kebebasan rakyat dalam abad ke-21, Kerajaan telah menggubal Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

JURANG ANTARA TUDUHAN POLITIK DAN HAKIKAT SEBENAR

8. Kita mengambil langkah memansuhkan ISA kerana ia merupakan langkah yang betul dan kena pada masanya. Adalah tidak adil dan tidak benar sama sekali tuduhan liar yang mendakwa kita sebagai kerajaan bertindak secara opresif dan zalim. Bukankah kerajaan ini yang mengambil langkah memansuhkan, meminda dan menggantikan undang-undang seperti yang saya senaraikan di atas. Bukankah tindakan kita melambangkan sikap progresif dan memerlukan keberanian moral serta iltizam politik yang bukan sedikit. Seperti kata pepatah Inggeris "We walk the talk". Nyata terdapat jurang besar di antara tuduhan bersifat politik dan hakikat sebenar.

9. Begitu juga tuduhan bahawa kerajaan menyalahgunakan ISA untuk menangkap musuh-musuh politiknya. Ini tidak benar sama sekali. ISA telah diguna bagi menangani anasir yang cuba menggunakan cara tidak berperlembagaan sama ada secara halus atau terbuka untuk membahayakan demokrasi itu sendiri. Tidak dapat dinafikan ISA telah memainkan peranannya di dalam era yang lalu untuk menyelamatkan kebebasan individu, sistem Demokrasi Berparlimen, Raja Berperlembagaan serta kemakmuran negara daripada ancaman totalitarisme.

10. Namun cabaran keselamatan yang dihadapi negara dan dunia hari ini adalah berbeza dengan cabaran yang dihadapi negara dan dunia masa lalu. Masa telah berubah rakyat Malaysia hari ini lebih matang, tahap pendidikannya lebih tinggi, akses kepada maklumatnya lebih meluas serta taraf sosioekonominya lebih baik. Gabung jalin semua faktor ini telah membawa cabaran yang berbeza, oleh itu ia perlu ditangani dengan kaedah yang sesuai dengan era kini.

11. Dalam mana-mana negara demokratik di dunia peranan akhbar amat penting. Bagi memastikan idea yang terbaik dapat memanfaatkan rakyat, Kerajaan juga telah mengambil keputusan untuk mengkaji semula undang-undang berkaitan dengan kawal selia media dan penerbitan sepertimana yang diumumkan di dalam ucapan saya di MAJLIS MALAM PENYAMPAIAN HADIAH KEWARTAWANAN MALAYSIA MPI-PETRONAS 2011. Sudah tiba masanya para wartawan dan pemilik media di Malaysia diberi kepercayaan yang sewajarnya untuk mengawal selia tata kelakuan dan etika kewartawanan

masing-masing. Peranan ini akan dilaksanakan melalui sebuah badan bebas yang dianggotai oleh pengamal media. Kuasa kawalan sendiri ini juga termasuk untuk membuat kaedah-kaedah dan peraturan bagi mengawal selia tata kelakuan para wartawan dan pemilik media.

12. Untuk melengkapkan fasa pertama PTP ini saya suka mengumumkan bahawa kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk menguatkuasakan secara serta merta semua akta baru dan pindaan terhadap akta-akta sedia ada yang berkaitan termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Universiti dan Kolej Universiti.

13. Hakikatnya, kerancangan untuk melakar warna dalam kanvas politik Malaysia baru sahaja bermula. Banyak lagi perubahan-perubahan yang telah dibariskan demi menenun benang-benang impian kita dalam membentuk sebuah masyarakat demokratik yang matang.

KENAPA AKTA HASUTAN 1948 PERLU DIGANTI AKTA KEHARMONIAN NASIONAL

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

14. Semasa pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) di Dewan Rakyat pada 16 April 2012 yang lalu, saya telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan mengkaji semula secara komprehensif Akta Hasutan 1948 tanpa mengetepikan apa-apa opsiyen, yakni sama ada untuk meminda peruntukan-peruntukan yang sedia ada atau memansuhkan Akta yang sudah berusia lebih 64 tahun tersebut sama sekali.

15. Kerajaan telah membuat keputusan agar Akta Hasutan 1948 dimansuhkan dan digantikan dengan suatu rang undang-undang yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan menggantikan Akta Hasutan dibuat kerana kita mahu mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik di antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sesuai dan selaras dengan peruntukan dan jaminan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan dan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di negara ini. With this new act we would be better equipped to manage our national fault lines. It will also help to strengthen national cohesion by protecting national unity and nurturing religious harmony.

16. Tanpa keseimbangan yang ideal kita berkemungkinan merencatkan hak bersuara yang dijamin perlembagaan, menumpulkan daya kreativiti serta sifat inovatif ataupun membebaskan semangat chauvinisme dan ekstremis. Keseimbangan ini perlu dicapai dalam persekitaran masyarakat yang lebih terbuka dengan akses kepada lebuhraya maklumat yang mampu menyebabkan "information overflow", taraf pendidikan dan sosioekonomi yang semakin tinggi serta tahap ekspektasi yang semakin meningkat. Peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan dalam Akta Keharmonian Nasional ini akan memberi penekanan kepada pemupukan semangat harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

17. Peruntukan-peruntukan Akta baru ini akan mencerminkan komitmen jitu kerajaan untuk mempertahankan semua agama dan semua kaum yang membentuk negara bangsa Malaysia daripada perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab. Akta baru ini akan bersifat lebih spesifik dan membolehkan kita bertindak terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional. Perbuatan adu domba seumpama ini akan dianggap sebagai satu jenayah terhadap rakyat Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia kita harus bersikap bahawa jika ada mana-mana kaum mahupun agama disakiti maka seolah-olah semua kaum dan semua agama rakyat Malaysia sama-sama disakiti bak kata pepatah Melayu cubit paha kanan maka paha kiri akan terasa.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

18. Hari ini Malaysia ialah sebuah negara yang sedang berada di dalam peralihan atau transisi daripada sebuah negara yang berstatus membangun kepada sebuah negara maju. Kestabilan politik, dasar-dasar yang progresif, sistem demokrasi berparlimen, kebebasan kehakiman dan penghormatan terhadap prinsip kedaulatan undang-undang semenjak merdeka lebih lima puluh tahun lalu telah

membolehkan Malaysia mencipta kejayaan demi kejayaan.

19. Walau cabaran yang kita hadapi sebagai sebuah negara cukup kompleks dan unik kita masih mampu menggarap kejayaan. Bukan sedikit negara yang berbilang kaum yang menjadi negara gagal kerana tidak bijak menguruskan kepelbagaian yang ada. Apatah lagi negara sekompleks Malaysia yang bukan sahaja berbilang kaum tetapi juga agama, budaya, bahasa, status sosioekonomi di samping dipisahkan secara fizikal oleh lautan.

20. Cerita kejayaan Malaysia dimungkinkan oleh sistem nilai yang meraikan kepelbagaian sebagai sumber kekuatan negara bukannya sebagai penyebab kelemahan. Kejayaan kita juga berpaksi kepada rakyat Malaysia yang mengamalkan sikap kesederhanaan dan pandangan hidup yang positif. Mereka melihat hari ini sebagai lebih baik daripada hari semalam dan hari esok sarat dengan harapan dan kemungkinan.

21. Pada kemuncaknya kita berjaya kerana kita rakyat Malaysia bersatu padu tanpa mengira perbezaan yang wujud. Perpaduan nasional ini diasaskan di atas titik persamaan dan pemersatuan yang wujud di antara kita. Bahawa kita semua merupakan warga Malaysia yang mencintai tanah airnya, Malaysia ialah tempat tumpah darah kita, tempat menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi, tempat kita mencari rezeki, tempat kita membesarkan anak-anak dan akhirnya dengan izin Tuhan tempat kita bersemadi selama-lamanya apabila tiba masanya. Kita mahukan Malaysia yang lebih baik, lebih aman dan lebih makmur untuk anak cucu kita.

22. Menjadi tanggungjawab setiap kita anak-anak Malaysia untuk bersama-sama membentuk negara yang kita dambakan. sebuah Malaysia di mana individu akan dinilai berdasarkan bakat, kesanggupan untuk bekerja keras, kesanggupan mengambil risiko serta karakter yang dimiliki berbanding ras. Setiap anak Malaysia adalah penting untuk negara dan seharusnya mempunyai peluang yang sama untuk berjaya di bawah kibaran Jalur Gemilang. Kerajaan tidak boleh menentukan "outcome" yang sama namun kita bertanggungjawab menyediakan peluang yang "equitable" atau saksama.

23. Saya tidak mengatakan usaha kita ini akan sentiasa berjalan lancar atau kita akan sentiasa menemui kejayaan pada setiap peringkat namun ialah satu kesilapan jika hanya kerana perjalanan ini sukar maka kita tidak mempunyai keberanian moral dan iltizam politik untuk memulakannya. Kita sesungguhnya mempunyai tanggungjawab kepada generasi Malaysia mendatang untuk mewariskan kepada mereka Malaysia yang lebih baik.

24. Kerajaan sedar bahawa umum menganggap Akta Hasutan 1948 sebagai alat Kerajaan untuk merencatkan tindakan dan pandangan yang tidak sehaluan dengan Kerajaan. Walaupun anggapan sedemikian adalah tidak berasas sama sekali, kita perlu menghapuskan persepsi tersebut. Lantaran itu, peruntukan-peruntukan baru ini tidak akan menghalang rakyat untuk mengkritik kerajaan dan pentadbiran keadilan. Sebarang perbuatan menghina mahkamah akan dikendalikan sendiri oleh pihak Kehakiman melalui peruntukan-peruntukan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah yang sedia ada.

25. Namun, perlu juga saya tekankan di sini bahawa kebebasan bercakap dan bersuara hendaklah sentiasa diimbangi dengan keperluan untuk mengekalkan keharmonian, ketenteraman dan keselamatan awam. Sebagaimana negara-negara lain yang menjunjung prinsip Kedaulatan Undang-undang (Rule of Law), kebebasan bercakap dan bersuara bukanlah suatu hak yang diberikan secara mutlak sebaliknya dibatasi dengan sekatan-sekatan yang sewajarnya.

26. Begitu juga di Malaysia. Kebebasan bersuara adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang dirasakan amat perlu apatah lagi dalam suasana kemajmukan masyarakat Malaysia yang unik dan rumit sifatnya.

27. Namun, yang paling utama, Kerajaan akan tetap memastikan bahawa peruntukan-peruntukan baru ini tidak akan menjejaskan kuasa untuk menangani perbuatan dan perlakuan yang berikut:

(i) mendatangkan kebencian dan penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia

kepada Yang DiPertuan Agong atau mana-mana Raja;

(ii) mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; dan

(iii) mempersoalkan apa-apa hak, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif sebagaimana yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III atau Perkara 152, 153 dan 181 Perlembagaan Persekutuan.

28. Sebelum menggubal Rang Undang-undang Keharmonian Nasional ini Kerajaan ingin menjemput pandangan dan pendapat rakyat Malaysia sama ada individu mahupun pertubuhan mengenai perkara yang perlu ditangani di dalam merangka perundangan ini. Jabatan Peguam Negara telah ditugaskan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk mendapat sudut pandangan semua "stakeholder".

29. Pada analisis akhirnya saya teringat kepada pendapat ahli falsafah tersohor Britain, John Locke: "The end of law is, not to abolish or restrain, but to preserve and enlarge freedom". Second Treatise Of Civil Government (1690).

PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

30. Melalui pemansuhan dan penggubalan undang-undang yang sedang berjalan, Kerajaan mahu memastikan ruang demokratik yang mencukupi disediakan untuk perbezaan pendapat serta persaingan idea. Pucuk pangkalnya, kita mahu mencipta sebuah Malaysia di mana prinsip hak asasi manusia dijunjung, kebebasan individu untuk menyatakan pendapat secara terbuka diraikan, seraya kepentingan individu dan komuniti diimbangi.

31. Malaysia mahu menjadi sebuah negara maju yang sebenar-benarnya bukan sahaja maju daripada segi pendapatan per kapita, saiz GNI dan pembangunan fizikal semata-mata. Kemajuan yang kita inginkan adalah menyeluruh sifatnya merangkumi semua aspek termasuk secara psikologinya.

32. Pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang tercinta ini perlu dipasak dengan 5 ikrar Rukun Negara yang dilauung setiap rakyatnya. 'Keluhuran Perlembagaan' atau 'Upholding the Constitution' dan 'Kedaulatan Undang-undang' atau 'Rule of Law' yang merupakan dua prinsip yang sentiasa dijunjung tinggi. Tanggungjawab ini bukan sahaja digalas oleh Jabatan Peguam Negara tetapi juga oleh semua pihak bagi memastikan bahawa Malaysia kekal berjaya.

33. Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada urus setia yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis makan malam ini. Kepada seluruh warga Jabatan Peguam Negara, segala usaha dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan amat saya hargai. Teruskan khidmat bakti anda. Saya berharap agar Jabatan ini akan terus menjadi contoh kepada penjawat awam yang lain.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.